

Nasional

Inkues Muhammad Adib

Doa ibu bapa termakbul

Narresh akui dipulau rakan, ditohmah selepas beri keterangan

Shah Alam: Saksi kesembilan yang membantu Muhammad Adib Mohd Kassim, ketika rusuhan pada 27 November 2018, mengakui menerima tohmahan serta dipulau oleh rakan.

R Narresh, 30, berkata selepas memberi keterangan di Mahkamah Koroner pada 18 Februari lalu, pelbagai tohmahan dilemparkan kepadanya dan ahli keluarganya.

Sehingga kini, ke mana-mana sahaja dia pergi, Narresh akan bersendirian kerana tiada siapa mahu mendekati atau membantunya.

"Apa yang saya beritahu mahkamah adalah apa yang saya nampak dan saya tolong Adib kerana tiada siapa mahu tolong dia. "Saya tidak pernah tuduh mana-mana bangsa yang memukul Adib, tapi apa yang saya nampak pada masa itu, saya dedahkan di mahkamah," katanya ketika dihubungi, semalam.

Narresh juga menerima banyak panggilan dari nombor tidak dikenali, bertujuan mengesan keterangannya di mahkamah.

Katanya, pemanggil juga mendakwa mereka ahli politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tidak berpuas hati dengan keterangannya.

"Apa saya lakukan kepada Adib adalah tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia dan saya juga adalah sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam (APM).

"Saya nak buktikan, tindakan saya membantu Adib menunjukkan rakyat Malaysia tidak bersifat perkauman dan wajib membantu insan dalam kesusahan," katanya yang bersyukur dengan keputusan mahkamah semalam.

Narresh adalah individu yang membantu Adib serta membawa anggota bomba itu ke Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMJC), untuk mendapatkan rawatan.

Dia juga menghubungi rakan sekerja Adib bagi memaklumkan kejadian itu.

Saya nak buktikan, tindakan saya membantu Adib menunjukkan rakyat Malaysia tidak bersifat perkauman dan wajib membantu insan dalam kesusahan.

R Narresh,
Saksi kesembilan

Asma, suami syukur kematian anak dapat pembelaan

Oleh Khairul Azran Hussin,
Siti Nurazlinee Azmi,
Norrasidah Arshad dan
Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: "Sejak malam tadi (kelmarin) hingga pagi ini (semalam), perasaan saya sangat berdebar. Namun, sebaik saja dimaklumkan keputusan menyebelahi arwah, saya berasa sangat lega," kata Asma Aziz, 52.

Ibu Allahyarham Muhammad Adib itu berkata, apabila mengetahui keputusan inkues, beliau dan suami, Mohd Kassim Abdul Hamid, 64, terus mengucapkan kesyukuran hingga mengalirkan air mata.

Katanya, doa mereka sebagai ibu bapa termakbul selepas hampir setahun menanti keadilan ditegakkan untuk arwah.

"Perasaan itu tidak dapat saya gambarkan dengan kata-kata. Walaupun lega, Adib sudah tiada. Saya berharap selepas ini, penjenayah yang memukul arwah dapat ditangkap.

"Saya mahu melihat wajah orang yang memukul anak saya. Saya mahukan keadilan untuk arwah dan si pelaku mesti dikenakan hukuman setimpal," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Tebengau, Kuala Kedah, di sini, semalam.

Ibu kepada empat anak itu sangat berterima kasih kepada se-



Mohd Kassim menziarahi pusara Allahyarham Muhammad Adib di masjid Kampung Tebengau, Kuala Kedah, semalam, sebelum keputusan inkues diumumkan. (Foto Sharul Hafiz Zam/BH)

mua pihak yang membantu, termasuk rakyat Malaysia yang mendoakan dan memberi semangat.

Beliau dan suami sepatutnya berada di Mahkamah Koroner Shah Alam, untuk mendengar keputusan inkues tetapi mereka membatalkan hasrat itu kerana perasaan tidak menentu dan risau, jika keputusan tidak memihak kepada Allahyarham.

"Petang ini (semalam), saya dan suami akan ke Kuala Lumpur untuk berjumpa anak yang berada di sana," katanya.

Mohd Kassim pula berkata, keputusan itu adalah berita gembira untuk dirinya sebagai bapa Allahyarham, selain berterima kasih

kepada semua pengamal media yang memberikan liputan terhadap kes itu.

"Alhamdulillah, saya gembira dengan keputusan ini. Segalanya sudah terjawab," katanya.

Di Shah Alam, abang Allahyarham, Mohd Asraf, berharap susppek yang menyebabkan kematian Adib segera dibawa ke muka pengadilan kerana sudah hampir setahun beliau dan keluarga menuntut keadilan kes itu.

"Kami sekeluarga bersyukur dengan keputusan Mahkamah Koroner, bahawa kematian adik saya bukan akibat dilanggar Mahkamah sebaliknya memutuskan punca kematian akibat per-



Asma Aziz

buatan jenayah.

"Kami sekeluarga berharap pihak polis dapat segera menahan pelaku jenayah dalam kes ini," katanya.

Sementara itu, peguam yang mewakili keluarga Allahyarham, Syazlin Mansor menangis teresak-esak di galeri mahkamah, selepas keputusan dibacakan Koroner Rofiah Mohamad, sebelum ditandatangani oleh suaminya, Ahmad Soffian Mohd Shariff dan beberapa peguam lain.

Ketika ditemui media selepas prosiding selesai, beliau menyatakan berpuas hati dengan keputusan itu.

Beliau berkata, pihaknya hanya mahukan keadilan kerana mereka tidak mengetahui siapa yang memukul Adib dalam rusuhan pada tahun lalu itu, berikutan siasatan dijalankan polis.

"Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof Dr Shahrom Abd Wahid (Perunding Kanan Patologi Forensik di United Kingdom), serta Dr Amir Radzi Ab Ghani (Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi MARA).

"Kedua-dua saksi ini sanggup memberikan keterangan yang benar di mahkamah dan secara pro-bono," katanya.

'Jangan politikkan keputusan inkues'

Putrajaya: Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, meminta semua pihak bertenang dan tidak mempolitikkan keputusan Mahkamah Koroner Shah Alam, berhubung inkues kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim.

Timbalan Perdana Menteri turut mengingatkan, semua pihak supaya tidak menjadikan keputusan Mahkamah Koroner Shah Alam itu sebagai isu perkauman.

"Kita hormati apa yang diputuskan inkues.

"Saya difahamkan Ketua Polis Negara (Tan Sri Abdul Hamid Bador) sudah mengeluarkan kenyataan, untuk buka baiki siasatan atas apa yang berlaku.

"Ini (keputusan Mahkamah Koroner) bukan kes perkauman. Jenayah adalah jenayah, kalau salah bukan kerana orang itu daripada kaum tertentu, kita semua rakyat Malaysia, kita memang nak keadilan untuk Adib.

"Jadi jangan jadikan kes ini (isu) perkauman, kita juga kena bertenang dan jangan mempolitikkan isu ini," katanya kepada media selepas merasmikan Karnival Rahmah 2019 (KR19) di Daratan Putrajaya, di sini, semalam.

Sementara itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata semua pihak perlu menerima de-

ngan hati terbuka keputusan Mahkamah Koroner.

Katanya, kes membabitkan Adib sudah dijalankan dengan sebaik mungkin demi memberi keadilan kepada semua pihak, terutama keluarga Allahyarham.

"Alhamdulillah inkues kes ini berjaya diselesaikan selepas enam bulan. Seluruh rakyat perlu terima keputusan ini.

"Saya minta jangan ada pihak mempolitikkan perkara ini. Semua pihak perlu hormati keputusan Mahkamah Koroner ini," katanya ketika ditemui pemberiti di pekarangan Mahkamah Shah Alam, di sini, semalam.

Ini (keputusan Mahkamah Koroner) bukan kes perkauman, jenayah adalah jenayah. Jadi jangan jadikan kes ini (isu) perkauman, kita juga kena bertenang dan jangan mempolitikkan isu ini.

Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Timbalan Perdana Menteri